

'Alah' sekolah


Kerenah anak perempuan menangis, mengamuk bingungkan ibu bapa



Saya bapa yang tinggal berseorangan dari keluarga dan pulang dua kali sebulan ke rumah pada hujung minggu. Saya mempunyai dua cahaya mata lelaki, 6 dan 8 tahun. Tahun yang bersekolah di pusat pendidikan kanak-kanak swasta di ibu negara. Masalahnya, kerenah anak perempuan yang akan menemani setiap pagi-pagi bila dia di sekolah. Menurut guru, apabila sampai di pintu masuk kelas, dia akan berhenti menangis tetapi tetap mengikuti semua aktiviti kelas seperti biasa. Apabila pulang, dia menantikan apa dipelajari dan berliku di sekolah. Mukanya kami berpendapat dia berkelakuan demikian disebabkan tidak lewat ratu antara jam 10 hingga 11 malam. Jika tidur awal pun, dia tetap menangis dan mengamuk untuk tidak ke sekolah. Saya berempati dengan isteri kerana sudah banyak besokan mengulas anak kami kerana saya berjauhan dengan keluarga. Saya dan isteri buntu dan hampir mengambil keputusan untuk tidak menghantarnya ke sekolah. Apakah yang boleh kami lakukan untuk mengelakkan anak perempuan kami menangis dan mengamuk setiap pagi sebelum ke sekolah?

ZAKI

GAMBAR HIASAN



INFO

Apa yang ibu bapa boleh lakukan?

- Pastikan TASKA, TADIKa atau sekolah tempat anda meletakkan anak untuk asuhan perkembangan dan pembelajarannya adalah sesuai dengan anak.
- Jika anak sudah boleh bercakap atau boleh diajak berbincang, beri peluang untuknya memilih atau menentukan TADIKa mana yang disukainya, bukan TADIKa pilihan anda.
- Jangan sesekali berbincang dengan anak ketika dia sedang mengamuk pada waktu pagi sebelum ke sekolah.
- Cuba seberapa daya untuk bersikap tenang walaupun fikiran anda sedang bersebarut melihat gelagatnya yang mengamuk untuk ke sekolah.
- Kenal pasti masalah sebenar yang dihadapi anak sehinggalah dia enggan ke sekolah, apa yang berlaku di sekolah terutama yang membabitkan faktor emosi.
- Faktor masalah pembelajaran yang mungkin dihadapi anak juga perlu diambil kira begitu juga dengan pendekatan yang digunakan di TADIKa.
- Pastikan anda menepati masa atau datang awal ketika mengambilnya pulang dari TADIKa bagi memberinya peluang bersiap untuk pulang dan berasa 'selamat' kerana tidak dibiarakan menunggu lama.



Bersama
Dr Mastura Badzis

APABILA kanak-kanak menangis dan mengamuk tidak mahu ke sekolah, ramai ibu bapa menjadi bingung dan tidak tahu apa yang seharusnya dilakukan. Dalam keluaran 24 April lalu, saya sudah mengupas persoalan ini dalam konteks separation anxiety iaitu rasa keimbangan kalangan kanak-kanak akibat berpisah sementara dengan ibu bapa yang jika dibiarkan berlarutan ia mungkin menjadi gangguan emosi serius dikenali sebagai *separation anxiety disorder* yang boleh mengakibatkan rasa fobia berpanjangan untuk pergi ke sekolah.

Ibu bapa juga perlu memahami, kanak-kanak diletakkan di bawah pengawasan seseorang, sama ada pengasuh atau guru dalam suasana atau persekitaran yang baru baginya tanpa kehadiran ibu bapa di sisi, banyak perkara yang berlegar dalam pemikiran mereka. Justeru, penting ibu bapa melihat isu ini dari perspektif kanak-kanak.

Biasanya, apabila kanak-kanak menangis setibanya di sekolah terutama pada hari atau minggu pertama, persoalan berikut pasti akan menghantui otak pemikirannya: adakah dia akan mendapat kawan, bagaimana keadaan di tempat itu, adakah dia akan diberitahu di mana tandas, adakah 'orang' di situ tahu yang dia akan

datang, adakah penjaga atau guru akan berlaku baik terhadapnya, adakah ada orang yang akan memberitahunya apa yang perlu dilakukan, adakah dia akan ditinggalkan bersendirian dan keseorangan serta kalau lapar nanti macam mana?

Jika jawapan kepada kesemua persoalan ini adalah positif dari hari pertama dia menjajakkan kaki ke sekolah, biasanya dia kurang menghadapi kesukaran atau tekanan berpisah sementara dengan ibu bapanya.

Justeru, itulah aspek yang perlu diberikan keutamaan apabila menghantar anak ke 'alam' baru yang bakal diterokainya iaitu persekitaran tenang, tenteram dan penuh kasih sayang supaya dia merasakan dirinya selamat dan dapat belajar bahawa dunia sekolah yang ditakutinya tidaklah menakutkan seperti yang difikirkannya.

Dalam hal ini, apabila seseorang anak itu baru kali pertama 'berpisah' dengan ibu bapanya, ia sejalah-olah 'memindahkan' hubungan rapat dan kasih sayang kepada orang baru yang ditemuinya. Sekiranya 'pindahan kasih' tersebut berlaku dengan sempurna, pastinya masalah mengamuk untuk ke sekolah tidak akan menjadi isu yang merunsingkan.

Namun, jika anak sudah biasa ke sekolah, tetapi selalu mengamuk atau mengelak untuk pergi ke sekolah pada waktu pagi sedangkan di sekolah dia kelihatan tidak ada masalah untuk mengikuti aktiviti seperti biasa, fenomena ini biasa berlaku dalam

kalangan kanak-kanak berusia antara empat hingga tujuh tahun.

Kadang-kadang ia juga boleh berlaku secara tiba-tiba tanpa dijangka bagi kanak-kanak berusia antara 12 hingga 13 tahun kerana sesi transisi suasana sekolah yang baru. Anak mungkin takut atau bimbang terhadap keselamatan dirinya atau keselamatan ibu bapanya.

Selain itu, faktor berikut juga perlu dikenal pasti dan dicari penyelesaiannya kerana ia mungkin menjadi penyebab kenapa anak sentiasa kelihatan tertekan untuk ke sekolah.

Anak tidak mahu ke sekolah mungkin kerana dia cuba 'lari' daripada berasa lebih teruk. Dalam erti kata lain, dia mungkin cuba mengelak dari sesuatu yang ada atau berlaku di sekolah yang menyebabkannya berasa risau, kecewa dan tertekan contohnya dia dibuli. Atau, anak mungkin cuba mengelak dari interaksi sosial dengan orang lain kerana dia mungkin menghadapi masalah dari segi membina hubungan sosial atau berkomunikasi dengan orang lain; dia tidak tahu bagaimana untuk berlawan atau risau jika dia ditegur, dimalukan atau dimarah dalam kelas depan kawan-kawannya.

Suatu yang boleh dijangkakan juga, anak mengamuk tidak mahu ke sekolah hanya semata-mata kerana ingin mendapat perhatian lalu dia sengaja menunjukkan amuknya, tidak mahu berpisah daripada ibu atau ayah sebagai cara untuk dapat

apa yang dia kehendaki.

Atau ini mungkin juga satu helahnya untuk mendapat 'ganjaran' apabila tidak ke sekolah, contohnya menonton televisyen atau bermain permainan serta sentiasa berada di sisi ibu! Dalam hal ini, 'peraturan' perlu dibuat agar anak merasakan duduk di rumah hanya akan mengundang rasa bosan.

Adakalanya, si anak mungkin buat perengai kerana gabungan kesemua faktor ini. Berbincanglah dengan anak, pengasuh atau guru mengenai masalah ini adalah tindakan yang amat baik dan sepatutnya dilakukan agar anda mengetahui keadaan sebenar anak semasa di sekolah. Kalau perlu, dan jika keenggannya ke sekolah membabitkan faktor tekanan emosi, bawa dia berjumpa doktor bagi memastikan kesihatan fizikalnya tidak terjejas.



ANDA ada masalah dengan anak atau ada sikapnya yang membimbangkan? Kongsi masalah anda bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel bhnhita@bharian.com.my atau melalui pos di alamat Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.